



Ruj. Kami: MAMPU.700-4/23/2 JLD. 3 (100)

3 September 2018

YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan,

PELAWAAN PENYERTAAN HACKATHON DATA TERBUKA 2018

Saya dengan hormatnya ingin menarik perhatian YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/YBrs. Dr./tuan/puan berhubung perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/YBrs. Dr./tuan/puan, MAMPU akan menganjurkan Program *Hackathon* Data Terbuka 2018 secara dalam talian (*online*) pada **18 hingga 24 September 2018**. Sebagaimana yang YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/YBrs. Dr./tuan/puan sedia maklum, objektif program *hackathon* ini adalah untuk menyediakan platform bagi penciptaan aplikasi/ produk data yang kreatif, berkualiti dan berinovasi, memanfaatkan keupayaan Data Terbuka dalam penghasilan aplikasi/ produk data dan menggalakkan inovasi Data Terbuka dalam sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan. Pertandingan ini terbahagi kepada tiga (3) kategori penyertaan iaitu Sektor Awam, universiti & industri dan pelajar sekolah menengah.

3. Program *Hackathon* ini merupakan satu platform **pertandingan pembangunan aplikasi yang diadakan secara berterusan tanpa henti selama 168 jam (7 hari)**. Peserta dikehendaki membangunkan aplikasi/produk data menggunakan set Data Terbuka yang terdapat di Portal Data Terbuka (www.data.gov.my) dan juga set data daripada sumber yang lain. Penyertaan adalah secara individu atau berkumpulan.

4. Sebagai makluman YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/YBrs. Dr./tuan/puan juga, pelaksanaan program *Hackathon* selama 168 jam ini tidak memerlukan peserta hadir ke lokasi pertandingan kecuali semasa sesi penilaian di mana para peserta dikehendaki hadir membuat pembentangan kepada panel penilai di lokasi yang ditetapkan. Pembangunan aplikasi/produk data boleh dilakukan di premis masing-masing atau mana-mana lokasi yang bersesuaian. Pendaftaran dan penyerahan aplikasi/produk perlu dibuat secara dalam talian (*online*) melalui portal *Hackathon* Data Terbuka (<https://hackathon.data.gov.my>). Peserta dikehendaki mematuhi semua terma dan syarat pertandingan serta mengesahkan bahawa setiap aplikasi/produk adalah ciptaan asli dan dibangunkan oleh peserta sendiri semasa penyerahan aplikasi/produk.

5. Sehubungan itu, MAMPU memohon kerjasama YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/YBrs. Dr./tuan/puan agar memaklumkan dan mewartakan kepada warga kementerian/agensi/universiti untuk menyertai pertandingan *Hackathon* Data Terbuka 2018 secara dalam talian melalui **<https://hackathon.data.gov.my>**. **Tarikh tutup penyertaan adalah pada 17 September 2018, jam 12.00 malam**. Syarat penyertaan dan maklumat lanjut mengenai program ini boleh diperoleh melalui portal *Hackathon* Data Terbuka (<https://hackathon.data.gov.my>) atau portal Data Terbuka (data.gov.my). Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut mengenai program ini bolehlah disalurkan kepada pegawai-pegawai berikut:

Nama : Puan Zaimar binti Umar
E-mel : zaimar@mampu.gov.my

Nama : Puan Norlindah binti Busu @ Mohamed
No. Tel : 03-88726271/019-3375969
E-mel : norlindah@mampu.gov.my

6. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk Seri/Datuk/Dato'/YBrs. Dr./tuan/puan adalah sangat dihargai bagi menyemarakkan budaya inovasi dalam penciptaan produk-produk ICT dalam kalangan penjawat awam/penuntut universiti dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DR. SUHAZIMAH BINTI DZAZALI)

Timbalan Ketua Pengarah (ICT)
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri



**PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008 NO
SIJIL : KLR 0500331**

GO GREEN-PAPERLESS| Sila pertimbangkan alam sekitar sebelum mencetak e-mel ini.

Peringatan Keselamatan / Kerahsiaan : E-mel ini termasuk apa-apa fail lampiran yang dihantar bersama adalah rahsia dan bertujuan semata-mata untuk kegunaan individu yang dialamatkan sahaja. Jika anda bukan penerima yang dinamakan, sila ambil perhatian bahawa segala bentuk tindakan untuk menyebarkan, mengedarkan atau menyalin e-mel ini adalah dilarang sama sekali. Sila beritahu penghantar dengan kadar segera melalui e-mel jika anda telah menerima e-mel ini secara tidak disengajakan serta mengambil tindakan dengan memadamkan atau menghapuskan e-mel asal tersebut termasuk fail-fail lampiran.
